

Orphancare bella nasib kanak-kanak

JITRA - Yayasan Orphancare merupakan sebuah NGO yang memperjuangkan nasib bayi dan kanak-kanak agar berpeluang mengecapi kehidupan yang lebih sempurna.

Pentadbir Projek Yayasan Orphancare, Syarhah Mohamed Tahir berkata, bagi menyediakan perkhidmatan di utara, mereka juga membuka cawangan di Sungai Petani.

Walaupun sudah beroperasi sejak tahun 2015, namun tidak ramai yang sedar tentang kewujudan kami," katanya ketika ditemui di Program Hasanah Bersama Rakyat @ Jerun di Sekolah Kebangsaan Putat, di sini. Orphancare adalah salah satu NGO yang disokong oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan milik Khazanah Nasional Berhad.

Menurutnya, selain membantu urusan pengambilan anak angkat, Orphancare turut bersedia menerima ibu hamil yang tidak mendapat sokongan daripada keluarga.

"Malah di cawangan Sungai Petani, kita menyediakan bilik yang lengkap untuk di diam oleh mereka.



Kita terima semua bayi tanpa kira bangsa dan agama.”

- Suheilah

"Ada juga yang kita beri kaunseling dan nasihat yang akhirnya mereka terus menjaga bayi berkenaan tanpa tinggalkan di sini.

"Sebab tujuan utama kita, kita nak kanak-kanak di institusi ini dikembalikan kepada keluarga kandung, saudara mara atau

keluarga angkat supaya mendapat kasih sayang secukupnya," katanya.

Syarhah berkata, selain itu, mereka juga mewujudkan "baby hatch" untuk memberi peluang kepada anak yang tidak berdosa hidup dan dibesarkan oleh sebuah keluarga.

"Kita terima semua bayi tanpa kira bangsa dan agama, kebanyakannya bayi ini daripada ibu bapa yang tak nak bayi berkenaan, tetapi ini bukan satu jenayah, mereka tak perlu takut."

"Lebih baik tinggalkan di baby hatch (pelindung bayi) ini daripada buang di tempat yang tak sepatutnya."

"Tetapi masyarakat jangan salah faham, kita tidak menggalakkan zina, tetapi kita nak kekang "infanticide" agar bayi ini berpeluang untuk hidup," katanya.

Menurutnya, masyarakat diluar sana juga dinasihati agar mengambil anak angkat melalui saluran yang betul.

"Sekiranya mereka melakukan urusan jual beli bayi, mereka boleh

didakwa kerana memperdagangkan manusia."

"Jalan terbaik, mereka boleh merujuk kepada kami atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk urusan pengambilan anak angkat."

"Kami di sini juga bersedia memberi bimbingan kepada pasangan yang berminat termasuk bagaimana cara untuk merapatkan hubungan antara ibu bapa angkat

dan anak berkenaan," katanya.

Menurutnya, pengambilan anak angkat ini dapat memberikan kehidupan yang lebih baik buat anak-anak berkenaan.

"Ini kerana, kita merasakan rumah anak yatim tidak mampu memberi kasih sayang sepenuhnya sebagai seorang ibu dan ayah seperti mana mereka tinggal bersama keluarga arigat," katanya.



Syarhah (dua kanan) memberi penerangan kepada salah seorang pengunjung di Program Hasanah Bersama Rakyat @ Jerun di Sekolah Kebangsaan Putat, di sini.